

16 JUL 2002

MGCC-IKS/I

MGCC CADANG TARIK IKS JERMAN KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) sedang berusaha untuk menggalakkan industri kecil dan sederhana (IKS) Jerman khususnya yang mempunyai pengetahuan teknologi untuk membentuk usaha sama dengan syarikat-syarikat Malaysia.

Pengarah eksekutif MGCC, Dr Rainer Herret berkata, kini sudah sampai masanya untuk memperkenalkan peluang-peluang perniagaan di Malaysia kepada IKS Jerman.

Pada masa ini sudah ada beberapa syarikat Jerman yang bertapak kukuh di Malaysia.

"Apa yang perlu anda lakukan ialah menyakinkan mereka tentang peluang-peluang perniagaan yang baik di Malaysia," katanya dalam pembentangan kertas kerjanya mengenai "ACHEMA 2003" hari ini.

Kata beliau, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Jerman pada bula Mei tahun ini telah mewujudkan senario yang lebih meyakinkan bagi mencetuskan kegiatan perniagaan dan pelaburan antara Malaysia dan Jerman.

"Hasrat kami adalah untuk mewujudkan lebih banyak usaha sama dengan syarikat-syarikat Malaysia," katanya.

Herret berkata, MGCC akan cuba menarik syarikat-syarikat Jerman yang tinggi kepakarannya untuk menubuhkan usaha sama dengan syarikat-syarikat Malaysia.

Syarikat-syarikat Malaysia yang tidak begitu mahir dalam bidang teknologi untuk bersaing di peringkat antarabangsa, seharusnya memanfaatkan keupayaan teknologi rakan niaga mereka dari Jerman, katanya.

Munich, ibu negeri Bavaria yang terletak di selatan Jerman, merupakan sebuah kawasan perindustrian teknologi tinggi yang penting.

MGCC telah diwujudkan pada bulan Januari 1992 sebagai sebuah dewan perniagaan dan industri rasmi dua hala di bawah naungan Persatuan Dewan Perniagaan dan Industri Jerman (DIHT).

MGCC didukung oleh 350 ahli dari Malaysia dan Jerman.

Menyentuh tentang ACHEMA 2003, Herret berkata, ia akan berlangsung di Frankfurt mulai 19 hingga 24 Mei tahun depan.

ACHEMA akan mempamerkan perkembangan-perkembangan terbaru mengenai tanaman dan kelengkapan, teknologi, perkhidmatan dan pengetahuan.

Herret berkata, lebih 4,000 peserta pameran dan 200,000 pengunjung dari seluruh dunia dijangka menghadiri ACHEMA 2003. -- BERNAMA

LES KTC KY OS